

# LAPORAN TAHUNAN 2015

Memacu Pengawasan

20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 1 3/17/16 11:39 PM

20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 2
20160317 MSWG ANNUAL REPORT FINAL FOR PRINTING A.indd 2
3/17/16 11:39 PM

# KANDUNGAN



**Korporat**


4 Profil Korporat
5 Objektif Korporat
6 Maklumat Korporat
7 Profil Pengarah
14 Pasukan Pengurusan & Sekutu




**Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan**


16 Pernyataan Pengerusi
20 Pernyataan Tadbir Urus Korporat
23 Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran
24 Dividen




**Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif**


25 Perbincangan dan Analisis oleh Pihak Pengurusan serta Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
*25 Perspektif*
*26 Sorotan Kewangan*
*27 Pemantauan Korporat*
*30 Program & Forum Pendidikan Pelabur*
*30 Perkhidmatan Pelanggan*
*32 Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN 2015*
*33 Majlis Pelabur Institusi Malaysia*
*34 Aktiviti Pasaran Modal yang Lain*
*34 Terbitan & Penyelidikan*
*35 Penyusunan Semula dan Penambahbaikan Laman Web MSWG*
*35 Sistem Perakaunan dan Pematuhan GST*
*36 Modal Insan*
*37 Penghargaan*




**Tinjauan Sepanjang 2015**


38 Kalendar Peristiwa




**Penyata Kewangan, Notis, Borang dan Lesen**


50 Penyata Kewangan Berkanun bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015
81 Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-15
82 Borang Proksi
Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

# PROFIL KORPORAT

## MISI

UNTUK MENINGKATKAN NILAI PEMEGANG SAHAM YANG MAMPAN DALAM SYARIKAT MELALUI PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN YANG BERKENAAN, DENGAN MEMBERIKAN TUMPUAN KEPADA KEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) ditubuhkan pada tahun 2000 sebagai inisiatif Kerajaan untuk menjadi sebahagian daripada rangka kerja Pasaran Modal yang lebih luas untuk memberikan kesedaran terutamanya terhadap kepentingan pemegang saham minoriti dan aspek tadbir urus korporat melalui aktivisme pemegang saham serta perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan. MSWG ialah badan profesional yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007. Ia merupakan sebuah badan pentadbiran sendiri dan bukan berasaskan keuntungan, yang dibiayai terutamanya oleh Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF). Ia adalah saluran penting bagi disiplin pasaran, menggalakkan tadbir urus yang baik dengan matlamat mewujudkan nilai yang mampan.

Sejak diperbadankan, MSWG berkembang menjadi organisasi penyelidikan dan pemantauan tadbir urus korporat bebas yang dihormati dalam pasaran modal. Ia memaparkan dan memberikan pandangan bebas serta bimbingan kepada pelabur.

Empat organisasi pengasas MSWG ialah:

- Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Permodalan Nasional Berhad
- Pertubuhan Keselamatan Sosial
- Lembaga Tabung Haji

20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 4 3/17/16 11:39 PM

# OBJEKTIF KORPORAT

MSWG mempunyai Piagam di bawah Memorandum dan Artikel Pertubuhan (M&A), yang menggariskan objektifnya seperti yang diringkaskan di bawah:-

MENJADI
## FORUM
BERDASARKAN PENGALAMAN PEMEGANG SAHAM MINORITI;

MEMPENGARUHI PROSES
## MEMBUAT KEPUTUSAN
DALAM PLC SEBAGAI PEMIMPIN BAGI HAK DAN KEPENTINGAN PERUNDANGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI;

MENJADI
## BADAN PEMIKIR DAN PUSAT SUMBER
UNTUK KEPENTINGAN MINORITI DAN ASPEK TADBIR URUS KORPORAT DI MALAYSIA;

MEMANTAU
## PELANGGARAN DAN KETIDAKPATUHAN
DALAM AMALAN TADBIR URUS KORPORAT OLEH PLC; DAN

MEMBANGUNKAN DAN MENYEBARKAN
## ASPEK PENDIDIKAN
TADBIR URUS KORPORAT;

MENJADI
## PLATFORM
UNTUK MEMULAKAN AKTIVISME PEMEGANG SAHAM SECARA KOLEKTIF TERHADAP AMALAN TIDAK BERETIKA ATAU YANG BOLEH DIPERSOALKAN YANG DIBUAT OLEH PIHAK PENGURUSAN SYARIKAT TERSENARAI AWAM

## MELAPORKAN KEPADA PIHAK KAWAL SELIA
DAN MENGUBAH MSWG MENJADI PENGHALANG YANG BERKESAN TERHADAP APA-APA KEJADIAN ATAU AKTIVITI YANG BOLEH MEMBERIKAN KESAN TERHADAP KEPENTINGAN PARA PEMEGANG SAHAM MINORITI.

# MAKLUMAT KORPORAT

## LEMBAGA PENGARAH

**Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob**
Pengerusi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Puan Rita Benoy Bushon**
Ketua Pegawai Eksekutif

**Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Encik Philip Koh Tong Ngee**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Encik Nor Hizam Hashim**
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**DATUK ZAKARIA SHARIF**
Pengarah Silih Ganti Kepada Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin

## SETIAUSAHA SYARIKAT

Encik Chew Phye Keat (BC/C/282)
Tetuan Raja Darryl & Loh
Tingkat 18, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

## PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Bangunan KWSP
No. 3, Changkat Raja Chulan
Off Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2070 9090
Faks: (603) 2070 9107
Laman Web: www.mswg.org.my

## PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Puan Lya Rahman
Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat
E-mel: lyarahman@mswg.org.my
watchdog@mswg.org.my

## JURUBANK

Malayan Banking Berhad
Cawangan Jalan Raja Laut
Wisma PKNS
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2698 8867
Faks: (603) 2691 7181

AmBank (M) Berhad
Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2078 2100
Faks: (603)2032 4069

## JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers Malaysia
Tingkat 10, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
Peti Surat 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2173 1188
Faks: (603) 2173 1288

# PROFIL PENGARAH



## Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob

Pengerusi/ Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Umur** : 67
**Tarikh Pelantikan** : 16 April 2012
**Tarikh Pelantikan sebagai Pengerusi:** 11 April 2013
**Tempoh Perkhidmatan** : 3 tahun 10 bulan

### Kelayakan Akademik/Profesional

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Sains, University of London
- PhD, Syracuse University, Amerika Syarikat

### Jawatan Pengarah Semasa

### Jawatan Pengarah dalam PLC

- Pengerusi, Telekom Malaysia Berhad
- Lembaga Pengarah, Felda Global Ventures Holdings Berhad

**Syarikat/Institusi Awam Lain:**

- Pengerusi, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
- Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia
- Lembaga Pengarah, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa

### Pelantikan Semasa

- Profesor Adjung di Universiti Malaya dan Universiti Tun Abdul Razak

### Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas

- Pengerusi, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
- Ahli, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri
- Presiden Pengasas, Institut Integriti Malaysia
- Lembaga Pengarah, Perbadanan Petroleum Nasional
- Pengerusi Pertama, Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- Lembaga Pengarah, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi

# PROFIL PENGARAH

## Rita Benoy Bushon



Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif

**Umur** : 56
**Tarikh Pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif**: 1 Januari 2009
**Tarikh Pelantikan sebagai Pengarah Eksekutif** : 18 Mei 2009
**Tempoh Perkhidmatan sebagai Pengarah Eksekutif**: 6 tahun 9 bulan

### Kelayakan Akademik/Profesional

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Henley Management College, Brunel University (1993)
- Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi (Statistik), Universiti Kebangsaan Malaysia (1984)
- Pemegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal (sejak 2003)

### Jawatan Pengarah Semasa

**Jawatan Pengarah dalam PLC:**

- Tiada

### Pelantikan Semasa

- Ketua Pegawai Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG)
- Ahli Majlis dan Ketua Setiausaha Majlis Pelabur Institusi Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman Skor Kad Tadbir Urus Korporat ASEAN
- Ahli Global Network of Investor Association, ICGN

### Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas

- Pengarah Pengasas, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) (sejak 2002)
- Pengarah Eksekutif Land & General Berhad (2006 -2008)
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif KFC Holdings (Malaysia) Berhad (2003 – 2008)
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Land & General Berhad (2003 -2006)
- Berkhidmat dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selama 23 tahun sejak 1984 sehingga persaraan beliau pada Oktober 2007 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Jabatan Pelaburan seperti Ketua Penyelidikan Ekuiti, Ketua Pengurusan Portfolio Luar, Ketua Ekuiti Swasta dan Ketua Pengawasan Korporat sebelum persaraan pilihan beliau.

### Anugerah/Pencapaian

- Dianugerahi The BrandLaureate Brand ICON Leadership Award for Transformation Leadership oleh Asia Pacific Brands Foundation (2011)
- Dianugerahi Anugerah Kecemerlangan Wanita untuk “Pencapaian Cemerlang” di bawah Kategori Separa Kerajaan yang disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita (2014)
- Dianugerahi “Pengiktirafan 10 Personaliti Unggul Terbaik Malaysia” yang disokong oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (2014)

# PROFIL PENGARAH



## Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin



Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

| | | |
|---|---|---|
| **Umur** | : | 66 |
| **Tarikh Pelantikan** | : | 5 November 2001 |
| **Tempoh Perkhidmatan** | : | 14 tahun 4 bulan |

### Kelayakan Akademik/Profesional

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, University of Toledo, Ohio, USA
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Toledo, Ohio, USA
- Jurubank Bertauliah, AICB

### Jawatan Pengarah Semasa

**Jawatan Pengarah dalam PLC:**

- Pengerusi Boustead Heavy Industries Corporation Berhad
- Pengerusi Pharmaniaga Berhad
- Timbalan Pengerusi Affin Holdings Berhad
- Naib Pengerusi Boustead Plantations Berhad
- Timbalan Pengerusi / Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad

**Syarikat/Institusi Awam Lain:**

- Pengarah Affin Bank Berhad
- Pengarah Affin Islamic Bank Berhad
- Pengarah Affin Hwang Investment Bank Berhad
- Pengerusi Affin Hwang Asset Management Berhad
- Pengarah AXA Affin Life Insurance Berhad
- Pengerusi MHS Aviation Berhad
- Pengarah Boustead Properties Berhad
- Pengarah UAC Berhad

### Pelantikan Semasa

- Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad

### Anugerah/Pencapaian

- Menerima Chevalier De La Légion d'Honneur Award daripada Kerajaan Perancis (2003)
- Anugerah Keusahawanan Cemerlang APEA (2008)
- Ijazah Kedoktoran Undang-undang (*honoris causa*) University of Nottingham, United Kingdom (2010)
- Anugerah Alumni UiTM Tahun 2010 (2011)
- Anugerah The BrandLaureate Most Eminent Brand Icon Leadership 2012 oleh Asia Pacific Brands Foundation (2012)
- Anugerah The BrandLaureate Corporate Leader of The Year (2013 - 2014)

# PROFIL PENGARAH

## Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



**Umur** : 60
**Tarikh Pelantikan** : 20 Julai 2005
**Tempoh Perkhidmatan** : 10 tahun 7 bulan

### Kelayakan Akademik/Profesional

- Perunding Pengurusan Bertauliah
- Akauntan Bertauliah

### Jawatan Pengarah Semasa
### Jawatan Pengarah dalam PLC:

- Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan OMESTI Berhad
- Pengerusi Cuscapi Berhad
- Pengerusi Rev Asia Berhad
- Pengarah Tropicana Berhad

### Pelantikan Semasa
### Syarikat/Institusi Awam Lain:

- Pengarah Graphene Nanochem Ltd (UK)
- Pengarah Tanjong Public Limited Company
- Pengerusi British Malaysian Chamber of Commerce
- Pemegang Amanah JC Jacobsen Foundation
- Pengerusi Fatfish Internet Group Ltd (Australia)
- Pengarah Maybank Investment Bank Berhad
- Pengarah 8 Common Ltd (Australia)
- Ahli Majlis Persatuan Badminton Malaysia

### Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas

- Pengerusi & Ahli, Global Management Council, Accenture
- Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia
- Ahli Kumpulan Pemikir bagi Kementerian Sains & Teknologi
- Ahli Tribunal Hakcipta
- Ahli Jawatankuasa Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan
- Timbalan Presiden Association of Asian Oceania Computer Industry Organisation
- Pengarah MIMOS Berhad (Penyelidikan Teknologi Negara).
- Presiden, Persatuan Lawan Pedang Malaysia
- Pemegang Amanah, Yayasan Tuanku Nur Zahirah (Yayasan Queen)
- Pengarah, iProperties Ltd (Australia)
- Pengerusi, Redtone International Berhad
- Pengerusi, Diversified Gateway Solutions Berhad
- Pengarah, AmIslamic Bank Berhad
- Pengarah, SaujanaResort (M) Berhad
- Pengarah, AMMB Holdings Berhad

# PROFIL PENGARAH



## Encik Philip Koh Tong Ngee

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



| | | |
|---|---|---|
| **Umur** | : | 61 |
| **Tarikh Pelantikan** | : | 2 Jun 2005 |
| **Tempoh Perkhidmatan** | : | 10 tahun 9 bulan |

### Kelayakan Akademik/Profesional

- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B) (Kepujian), Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M), University of London
- Ijazah Sarjana Sastera (Teologi), Australian Catholic University

### Jawatan Pengarah dalam PLC

- Tiada

### Pelantikan Semasa

- Peguam bela & Peguam cara, Mahkamah Tinggi Malaya
- Ahli Panel Timbang tara bagi Pusat Timbang tara Serantau Kuala Lumpur
- Rakan Kongsi Kanan, Mah-Kamariyah & Philip Koh
- Ahli, Kumpulan Penasihat Sektor Swasta, Perbadanan Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang ditubuhkan menurut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009

# PROFIL PENGARAH

## Encik Nor Hizam Hashim

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



| | | |
|---|---|---|
| **Umur** | : | 66 |
| **Tarikh Pelantikan** | : | 2 Disember 2009 |
| **Tempoh Perkhidmatan** | : | 6 tahun 3 bulan |

### Kelayakan Akademik/Profesional

- Akauntan Bertauliah
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Western Australia
- Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) dengan Kepujian, Universiti Malaya

### Jawatan Pengarah Semasa dalam PLC:

- Tiada

### Pelantikan Semasa

- Tiada

### Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas

- Penasihat, Unit Perancangan Ekonomi dan Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri
- Ahli Lembaga Pengarah, Telekom Afrika Selatan & Anak Syarikatnya
- Ketua Pegawai Kewangan, Telekom Afrika Selatan
- Ketua Pegawai Eksekutif, TM International Corporation
- Ahli Lembaga Pengarah, anak syarikat TM

# PROFIL PENGARAH



## Datuk Zakaria Sharif

Pengarah Silih Ganti kepada Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin



| | | |
|---|---|---|
| **Umur** | : | 58 |
| **Tarikh Pelantikan** | : | 16 Januari 2012 |
| **Tempoh Perkhidmatan** | : | 4 tahun 1 bulan |

**Kelayakan Akademik/Profesional**

- Siswazah Ekonomi dengan pengkhususan dalam Perakaunan daripada Monash University, Australia
- Felo Australian Society of Certified Public Accountants (FCPA)
- Ahli Bersekutu, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)

**Jawatan Pengarah Semasa**

**Jawatan Pengarah dalam PLC:**

- Boustead Plantations Berhad

- **Syarikat/Institusi Awam Lain:**
- LTP Wibawa Sdn Berhad
- Yayasan Veteran ATM
- Chery Automobile (Malaysia) Sdn Bhd
- Chery International (Malaysia) Sdn Bhd
- Jendela Hikmat Sdn Bhd
- Labuan Reinsurance (L) Ltd

**Pelantikan Semasa**

- Timbalan Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera

# PASUKAN PENGURUSAN & AHLI BERSEKUTU

## PENGURUSAN



**PN RITA BENOY BUSHON**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Henley Management College, UK
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Statistik) (Kepujian), UKM
Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
*rita@mswg.org.my*



**PN LYA RAHMAN**
**Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat**
Pemegang Lesen Setiausaha Syarikat, SSM
*lyarahman@mswg.org.my*



**PN REBECCA YAP**
**Ketua, Pemantauan Korporat/Kewangan**
Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan)
Monash University CPA Aust,
Akauntan Bertauliah (M)
*rebecca.yap@mswg.org.my*



**EN QUAH BAN AIK**
**Ketua, Pemantauan Korporat**
Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), UPM Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (London), UK
CLP, Malaysia
AIIA
*banaik.quah@mswg.org.my*



**EN NORHISAM SIDEK**
**Pengurus, Pemantauan Korporat**
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), UITM
Akauntan Bertauliah (M)
*norhisam@mswg.org.my*



**EN WONG KIN WING**
**Pengurus, Pemantauan Korporat**
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi & Pentadbiran, Victoria University of Wellington, NZ
Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA),
Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
*kinwing@mswg.org.my*



**EN LEE CHEE MENG**
**Pengurus, Pemantauan Korporat**
Akauntan Bertauliah (M), FCCA-UK
*chee.meng@mswg.org.my*



**PN LINNERT HOO**
**Pengurus, Pemantauan Korporat**
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya
Akauntan Bertauliah (M), Ahli Bersekutu CTIM
Mempunyai kelayakan CFP
*linnert.hoo@mswg.org.my*

# PASUKAN PENGURUSAN & SEKUTU



## ENCIK VINODTH RAM
**Penganalisis/Eksekutif Perkhidmatan Korporat**
Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Gunaan, University of Ballarat, Australia
Diploma Pengurusan Perniagaan, BAC, Malaysia
*vinodth.ram@mswg.org.my*



## PUAN NORKHALIDAH KHALIL
**Penganalisis**
Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) (Kep.), UUM
*khalidah@mswg.org.my*



## CIK EMILY LIM
**Pengurus, Kewangan**
LCCI
*emily@mswg.org.my*



## CIK S PADMA DEVI
**Pengurus, Teknologi Maklumat**
Sarjana Muda Sains Pengkomputeran (Teknologi Maklumat), Staffordshire University
*padmadevi@mswg.org.my*

## SEKUTU

### PUAN NORAIDA MARIA MOHD HATTA
Sarjana Muda (Kep.) Perakaunan dan Kewangan, University of Strathclyde Glasgow, Scotland
FCA (ICAEW)

### ENCIK LEE LEOK SOON
FCMA, FCCA, CA(M)

### CIK RATHIMALAR SUNDRAM
LLB (Kep.), University of London
LLM, University of Staffordshire
ACMA

### PUAN SRI RUSILA ABD RAZAK
LLB Kep. (Lond.)
LLM (Maritime)
Barrister-at-Law, Gray's Inn

### ENCIK KHOO HSU CHUANG
LLB (Kep.), Leicester University

### CIK JOSEPHINE EDWARDS
ACCA (UK), CPA Australia
MIA

# PERNYATAAN PENGERUSI

## Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob

Pengerusi



**Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya berbesar hati dapat membentangkan Laporan Tahunan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.**

Tahun 2015 merupakan satu lagi tahun yang sibuk bagi MSWG dalam usaha kami untuk mencapai objektif kami, iaitu menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik dan menggalakkan pelibatan aktif pemegang saham minoriti bagi menggunakan hak mereka untuk melindungi pelaburan mereka, di tengah-tengah persekitaran global yang mencabar, daripada harga komoditi yang jatuh menjunam dan perkembangan geopolitik hinggalah kepada ringgit yang sudah pun semakin lemah.

Dalam bidang korporat global, beberapa syarikat tersenarai antarabangsa terkemuka disiasat rapi kerana melakukan kesalahan serius dalam tadbir urus korporat.

Sehubungan dengan ini, usaha MSWG pada tahun tersebut, mengulangi komitmennya untuk memastikan amalan baik dipatuhi patut diberi perhatian. Akhir tahun itu terus menyaksikan persekitaran makroekonomi kita menghadapi banyak masalah dari pelbagai sudut, dengan harga tenaga dan komoditi yang lebih rendah serta paras hutang yang lebih tinggi. Kesan terhadap ekonomi dirasai, dengan perolehan syarikat, terutamanya daripada sektor seperti perkhidmatan Minyak & Gas, hartanah, perbankan, perladangan, runcit, penerbangan dan percutian/permainan melaporkan kemerosotan dari tahun ke tahun.

Dalam hal ini, penstrukturan semula ekonomi, reformasi kewangan dan pembangunan yang dijalankan oleh negara sepanjang dua dekad yang lepas membolehkan kami bertahan dalam persekitaran operasi yang mencabar. Justeru itu, walaupun pertumbuhan global lebih perlahan, iaitu 3.1 peratus, ekonomi kita tumbuh antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada 2015. Pada masa ini, pasaran modal Malaysia berada pada RM2.82 trilion, hampir tiga kali ganda saiz ekonomi Malaysia, dengan pasaran ekuiti pada RM1.74 trilion dan pasaran bon pada RM1.08 trilion.

20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 16 3/17/16 11:39 PM

# PERNYATAAN PENGERUSI

*Dalam hal ini, penstrukturan semula ekonomi, reformasi kewangan dan pembangunan yang dijalankan oleh negara sepanjang dua dekad yang lepas membolehkan kami bertahan dalam persekitaran operasi yang mencabar.*



Pertumbuhan dalam industri pengurusan dana merupakan pemacu penting dalam pendalaman pasaran modal, dengan RM630 bilion di bawah pengurusan pada akhir 2014. Rizab antarabangsa kekal tinggi sebanyak RM418 bilion pada Oktober 2015, manakala aliran masuk Pelaburan Langsung Asing kekal kukuh pada RM22.4 bilion. Rancangan Malaysia ke-11 menggariskan beberapa langkah berani yang akan diambil seterusnya dalam perjalanan negara kita untuk menjadi negara maju yang inklusif dan mampan. Di bawah Rancangan ini, ekonomi Malaysia dijangka tumbuh sebanyak lima hingga enam peratus setahun berdasarkan permintaan domestik yang mampan dan sumbangan daripada sektor luar yang semakin bertambah.

## LANDSKAP DAN PERKEMBANGAN TADBIR URUS KORPORAT 2015

Dalam bidang pengawasan pelabur, Kod Pelabur Institusi Malaysia yang dirumuskan oleh pelabur institusi utama, diketuai oleh MSWG serta dilancarkan secara bersama oleh Suruhanjaya Sekuriti dan MSWG pada 2014, menetapkan prinsip umum bagi pengawasan yang berkesan. Prinsip ini termasuk memantau dan mengadakan perbincangan dengan syarikat penerima pelaburan serta mengurus konflik kepentingan. Kod ini yang menekankan tadbir urus kendiri mengambil peranan yang lebih besar dan lebih proaktif, dengan itu, memajukan lagi landskap tadbir urus korporat di negara ini.

EKONOMI KITA TUMBUH ANTARA
**4.5 hingga 5.5%**
PADA 2015

PELABURAN LANGSUNG ASING
**RM22.4 bilion**
PADA 2015

**8**
PENGURUS ASET DAN PEMILIK ASET SEBAGAI PENANDATANGAN

# PERNYATAAN PENGERUSI

Gabungan usaha pemegang saham minoriti dijangka membawa perubahan positif, serta mempengaruhi dan mendorong prestasi dan akauntabiliti pada peringkat lembaga, dengan itu, memacu nilai pemegang saham yang mampan dalam jangka masa panjang

ESG atau persekitaran, sosial dan tadbir urus merupakan salah satu prinsip yang ditekankan oleh Kod ini. Amalan mampan dan bertanggungjawab oleh korporat yang menjadi strategi arus perdana telah mula mendapat lebih banyak tumpuan daripada pelabur. Dengan cara yang sama, syarikat mestilah melihat semula objektifnya secara serius untuk membuat keputusan yang bertanggungjawab bagi menarik pelabur jangka panjang yang sesuai. Pertumbuhan luar biasa dalam pasaran pelaburan global yang mampan, yang meningkat daripada AS$13.3 trilion pada 2012 kepada AS$21.4 trilion pada 2014, iaitu pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 27 peratus dan kini merupakan lebih daripada 30 peratus daripada aset yang diurus secara profesional, merupakan bukti terhadap tumpuan wang bijak bagi isu kemampanan. Kod menggesa pelabur institusi supaya menjadi penandatangan untuk menunjukkan kepada benefisiari mereka dan orang ramai pada umumnya komitmen mereka terhadap amalan terbaik yang dipatuhi oleh dana ini.

Berhubung dengan perkara ini, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP mendahului yang lain pada 2015 dengan menjadi pemilik aset pertama di Malaysia yang menandatangani Kod ini, dan baru-baru ini, pada akhir tahun, ValueCap Sdn Bhd menjadi pemilik aset kedua yang menandatangani Kod ini. Keseluruhannya, kita kini mempunyai lapan pengurus aset dan pemilik aset sebagai penandatangan Kod, termasuk Hermes Fund Managers, Aberdeen Asset Management, Legal & General Investment dan BNP Paribas Investment Partners, antara lain, yang kesemuanya mempunyai dana di bawah pengurusan melebihi RM3 trilion.

Julai 2015 menyaksikan penubuhan Majlis Pelabur Institusi Malaysia, yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP. Objektif Majlis, antara lain, adalah untuk mewakili kepentingan pelabur institusi di Malaysia, dan menjadi platform untuk merangsang budaya tadbir urus korporat yang baik oleh PLC, selain menyokong penerimagunaan Kod dalam kalangan mereka sendiri dan pelabur institusi yang lain. Ini merupakan langkah yang tepat pada masanya bagi pelabur institusi sebagai kumpulan yang berpengaruh untuk memainkan peranan yang lebih besar dan lebih bermakna dalam tadbir urus, pengawasan dan pelaburan yang bertanggungjawab.

Mulai 2015, PLC dikehendaki mendedahkan dasar kepelbagaian, termasuk dasar berkaitan dengan jantina, umur dan etnik, di tempat kerja dan tentang lembaga pengarahnya. Pelabur institusi pula meningkatkan pelaburan secara beransur-ansur dan berhati-hati berdasarkan pertimbangan kemampanan dan kepelbagaian.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Menjadi harapan saya agar 2016 menandakan kedatangan era baharu dalam tadbir urus korporat, dari segi pengawasan yang berkesan terhadap syarikat dan pelabur. Semua pemegang saham mesti memainkan peranan mereka sebagai pengawas, mendapatkan justifikasi dan penjelasan tentang perkara yang berkaitan, termasuk usul korporat, ganjaran pengarah, komitmen masa pengarah dan kepelbagaian lembaga, antara lainnya.

Saya benar-benar percaya bahawa ketelusan yang lebih tinggi dan keterlibatan pemegang saham secara aktif akan membawa kepada tingkah laku syarikat yang lebih bertanggungjawab dan akhirnya, wujud lebih banyak nilai. Ia berkenaan dengan rasa tanggungjawab dan telus dalam tindakan yang diambil; ia berkenaan dengan akauntabiliti dan pengawasan yang lebih bermatlamat oleh lembaga syarikat dan pemegang saham berdasarkan prinsip kukuh yang sejajar dengan kepentingan terbaik syarikat.

Kerelevanan MSWG dalam pasaran modal dan peranannya untuk mewujudkan kesedaran tentang hal-hal syarikat adalah kritikal dalam memudahkan tingkah laku positif syarikat.

# PERNYATAAN PENGERUSI

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDF) kerana memberikan sokongan padu kepada MSWG dan membiayai sebahagian besar aktivitinya, dengan itu, membolehkan kami meneruskan agenda kami untuk mengukuhkan pasaran modal Malaysia.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan kami atas sokongan berterusan mereka. Penghargaan juga diberi kepada pihak media serta rakan pasaran modal yang telah memainkan peranan penting dalam menekankan isu tadbir urus korporat untuk menjadikan pasaran kita lebih telus.

Selanjutnya, saya ingin menyampaikan penghargaan Lembaga kepada pengawal selia - Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia kerana bekerjasama dengan MSWG untuk mengukuhkan landskap tadbir urus korporat di Malaysia. Ini adalah untuk meningkatkan kesedaran pelabur dan pemegang saham serta pelibatan mereka bagi mewujudkan pasaran modal yang lebih bersemangat dan bertenaga serta termaklum.

Saya berterima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif MSWG kerana keazamannya telah membantu mengubah landskap tadbir urus korporat menerusi usaha beliau untuk melibatkan pihak berkepentingan dalam pasaran modal, selain menyediakan platform untuk inisiatif pendidikan pelabur dan pengawasan pelabur. Saya bangga menyatakan bahawa beliau telah dilantik sebagai Ketua Sekretariat dan Anggota Majlis Pelabur Institusi Malaysia sebagai pengiktirafan terhadap usaha beliau dalam inisiatif ini dan pengalaman luas beliau dalam bidang ini.

Saya amat berterima kasih kepada pihak pengurusan, kakitangan dan sekutu MSWG yang bekerja keras pada tahun ini untuk mencapai objektif organisasi bagi meningkatkan standard tadbir urus korporat dan ketelusan. Komitmen dan dedikasi mereka telah membawa MSWG ke tahap profesionalisme baharu dalam pasaran modal Malaysia.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Pengarah atas sumbangan dan komitmen mereka yang tidak ternilai pada tahun ini.

Bagi pihak Lembaga



**Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob**
**Pengerusi**
**1 Mac 2016**

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) komited sepenuhnya terhadap piawaian tertinggi tadbir urus korporat dalam mencapai objektif utamanya untuk menggalakkan aktivisme pemegang saham dan mempengaruhi amalan baik dalam kalangan PLC. Lembaga Pengarah mengakui bahawa adalah penting untuk menjadi teladan dalam amalannya.

Lembaga Pengarah berpandukan yang berikut:

## KOD TATAKELAKUAN & KOD ETIKA

1. Para Pengarah mengakui dan menerima skop dan tahap tugas mereka sebagai Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan fungsi pengawasan demi kepentingan MSWG, dalam bidang kuasanya dan selaras dengan tugas fidusiarinya.

2. Lembaga Pengarah dijangka mematuhi standard kesetiaan, niat baik dan pengelakan konflik kepentingan.

3. Lembaga Pengarah MSWG akan:
    - *bertindak demi kepentingan terbaik dan memenuhi tanggungjawab fidusiari mereka kepada MSWG;*
    - *bertindak dengan jujur, adil, beretika dan berintegriti;*
    - *melaksanakan tugasnya secara profesional, sopan dan rasa penuh hormat;*
    - *mematuhi semua undang-undang, kaedah dan peraturan yang terpakai;*
    - *bertindak dengan niat baik, penuh tanggungjawab, teliti, cekap dan tekun, tanpa mengetepikan pertimbangan bebas untuk kepentingan lain selain kepentingan Syarikat;*
    - *mengekalkan sahsiah beretika dan bermoral tinggi, secara profesional dan peribadi, serta bertindak dengan cara yang akan mempertingkatkan dan mengekalkan reputasi MSWG;*
    - *mendedahkan apa-apa potensi berlakunya konflik kepentingan, termasuk yang mungkin timbul berhubung dengan apa-apa perkara yang boleh dibawa berbincang di hadapan Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian dalam apa-apa perkara yang mempunyai atau mungkin mempunyai konflik kepentingan;*
    - *menyediakan untuk dan berkongsi dengan rakan Pengarah maklumat yang mungkin sesuai untuk memastikan tatalaku yang wajar dan pengendalian yang baik oleh MSWG dan Lembaga Pengarahnya;*
    - *menghormati kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal Syarikat yang diperoleh semasa perkhidmatannya sebagai Pengarah, kecuali apabila diberi kuasa atau dikehendaki oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat tersebut; dan*
    - *tidak menggunakan maklumat sulit yang diperoleh semasa perkhidmatannya sebagai Pengarah untuk kepentingan peribadi mereka.*

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

1. Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada para pengarah yang mempunyai kemahiran, kecekapan, pengetahuan, pengalaman dan kepelbagaian perspektif yang diperlukan dan mereka yang mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka tanpa sebarang konflik kepentingan.

2. Bilangan maksimum pengarah yang akan dilantik dalam Lembaga Pengarah ialah sepuluh (10).

3. Tempoh pelantikan Pengarah Bebas yang tempohnya tidak boleh melebihi 12 tahun.

4. Selaras dengan aktiviti dan objektif MSWG, serta keperluan pelesenan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, sekurang-kurangnya seorang Ahli Lembaga Pengarah mestilah pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSR).

5. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada individu yang mempunyai reputasi dan kedudukan yang baik.

6. Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah dipilih oleh ahli Lembaga Pengarah.

7. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mempunyai apa-apa bantahan terhadap pelantikan ahli yang berpotensi kepada Lembaga Pengarah.

8. Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh menjawat lebih daripada lima jawatan lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai awam.

## MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

1. Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

2. Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli termasuk Pengerusi.

3. Keputusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah berdasarkan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi berhak memberikan undi pemutus.

4. Notis Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diberi sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mesyuarat.

5. Kertas Lembaga Pengarah hendaklah diedarkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.

6. Setiap Pengarah mestilah menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan Mesyuarat Lembaga Pengarah dalam setahun secara individu atau melalui telesidang.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## MESYUARAT PENGARAH YANG DIADAKAN PADA 2015

Pada tahun 2014, empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif telah menghadiri kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Kehadiran para Pengarah adalah seperti yang berikut:

| PENGARAH | BIL. MESYUARAT | | | | % KEHADIRAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | 16/2/15 | 29/5/15 | 18/9/15 | 7/12/15 | |
| Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob | ● | ● | ● | ● | 100 |
| Rita Benoy Bushon | ● | ● | ● | ● | 100 |
| Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin | | | ● | ● | 50 |
| Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow | ● | ● | ● | ● | 100 |
| Philip Koh Tong Ngee | ● | ● | | ● | 75 |
| Nor Hizam Hashim | ● | ● | | ● | 75 |
| Datuk Zakaria Sharif (Pengarah Silih Ganti Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin) | | ● | | | 25 |

NOTA:

● HADIR

TIDAK HADIR

20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 22 3/17/16 11:39 PM

# JAWATANKUASA PENCALONAN & GANJARAN

## KOMPOSISI

Komposisi NRC adalah seperti yang berikut:-

- Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob – Pengerusi
- Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow – Ahli
- Encik Nor Hizam Hashim - Ahli

## JAWATANKUASA PENCALONAN

1. Menggubal dasar pencalonan, pemilihan dan penggantian Lembaga Pengarah, termasuk gabungan kemahiran, pengalaman dan kualiti lain untuk membolehkan Lembaga Pengarah berfungsi dengan cekap.
2. Melaksanakan proses kelulusan rasmi bagi penilaian dan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah secara individu.
3. Menyemak dan menilai keseimbangan Lembaga Pengarah dari segi set kemahiran/jantina dan komposisi serta mencadangkan baharu/pelantikan semula pengarah kepada Lembaga Pengarah.
4. Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah satu dasar tentang protokol Lembaga Pengarah termasuk tempoh, pemegangan jawatan pengarah lain dan isu yang berkaitan dengan konflik kepentingan.
5. Memastikan wujudnya rangka kerja yang sesuai dan pelan penggantian KPE dan kakitangan pengurusan utama.
6. Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah satu dasar tentang sumber manusia yang akan mencakupi, tetapi tidak terhad kepada, keperluan mengambil dan mengekalkan KPE dan kakitangan pengurusan utama yang berkaliber, berpengalaman dan mempunyai kualiti yang sesuai untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pengurusan Syarikat.
7. Menyediakan program orientasi yang bersesuaian berkaitan dengan aktiviti Syarikat untuk ahli lembaga pengarah yang baru dilantik. Taklimat program orientasi boleh dijalankan oleh KPE.

## JAWATANKUASA GANJARAN

Mengkaji dan mencadangkan yang berikut:-

1. Ganjaran para Pengarah untuk diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.
2. Rangka kerja/model pengurusan prestasi termasuk menetapkan parameter sasaran prestasi yang bersesuaian dan penanda aras kepada KPE pada permulaan setiap tahun kewangan.
3. Terma pekerjaan KPE termasuk ganjaran dan manfaat.
4. Dasar tentang pakej ganjaran bagi pekerja Syarikat.
5. Pelan pampasan insentif yang bersesuaian untuk kakitangan pengurusan utama.
6. Pembayaran bonus tahunan kepada KPE dan kakitangan pengurusan utama.

NRC, dalam skop bidang tugasnya, diberi kuasa untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan yang diperlukan melalui pihak Pengurusan. Dalam konteks ini, NRC boleh menggunakan khidmat perunding untuk mendapatkan perkhidmatan guaman dan profesional bebas lain yang diperlukan atas perbelanjaan syarikat.

# JAWATANKUASA PENCALONAN & GANJARAN

## MESYUARAT NRC

1. NRC hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun atau apabila diperlukan.
2. Kuorum mesyuarat NRC ialah dua orang ahli jawatankuasa.
3. Ahli Lembaga Pengarah lain, KPE atau eksekutif pengurusan utama boleh menghadiri mesyuarat NRC atas jemputan jawatankuasa.
4. Setiausaha Syarikat akan menjadi Setiausaha NRC.
5. Notis dan kertas untuk mesyuarat akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh mesyuarat NRC.

Ahli jawatankuasa dan bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh setiap ahli ditunjukkan dalam jadual di bawah:

| PENGARAH | BIL. MESYUARAT | | % KEHADIRAN |
|---|---|---|---|
| | 16/2/15 | 29/5/15 | |
| **Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob** | ● | ● | 100 |
| **Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow** | ● | ● | 100 |
| **En Nor Hizam Hashim** | ● | ● | 100 |

NOTA:

● HADIR

TIDAK HADIR

# DIVIDEN

Tiada dividen diisytiharkan atau dibayar kepada ahli pengasas bagi tahun 2015, memandangkan MSWG ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan tidak mempunyai modal saham.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



## SUDUT PANDANGAN

Tahun 2015 merupakan tahun di mana keutamaan yang dilaksanakan empat tahun lalu membuahkan hasil dari segi pengawasan pelabur dan pengawasan korporat, menghasilkan tema bagi Laporan Tahunan 2015 - 'Memacu Pengawasan'. Pelancaran Kod Pelabur Institusi Malaysia yang julung kalinya mencerminkan kemajuan bahagian hadapan tadbir urus korporat serantau, dengan tadbir urus sendiri mengambil peranan yang lebih besar dan lebih proaktif seperti yang ditekankan dalam Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011.

MSWG memainkan peranan penting dalam pelancaran Kod Pelabur Institusi Malaysia pada 2014 dan pembentukan Majlis Pelabur institusi pada 2015. Objektif utama Majlis adalah untuk memacu tadbir urus dalam syarikat penerima pelaburan dan menyediakan platform kepada pelabur institusi untuk membincangkan hal berkaitan tadbir urus dalam kalangan mereka.

Pada tahun ini, MSWG terus menyokong dan mempengaruhi amalan terbaik dengan menghadiri mesyuarat agung syarikat, berkomunikasi melalui Surat Berita Elektronik Mingguan dan menggerakkan agenda tadbir urus korporat melalui Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN.

MSWG akan terus kekal fokus untuk meningkatkan tahap tadbir urus korporat dan amalan terbaik dalam kalangan syarikat tersenarai awam di Malaysia.

Sorotan operasi dan prestasi secara ringkas bagi tahun 2015:

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## SOROTAN KEWANGAN

### PEMBIAYAAN DARIPADA DANA PEMBANGUNAN PASARAN MODAL

CMDF bersetuju untuk meneruskan pembiayaan operasi dan aktiviti MSWG bagi tiga tahun akan datang, iaitu 2015-2017 sebanyak RM5 juta setahun.

Bagi tahun 2015, selepas mengambil kira dana sebanyak RM1.4 juta dikembalikan kepada CMDF, jumlah bersih sebanyak RM3.6 juta telah diterima bagi tahun ini. Lebihan dana yang telah dikembalikan kepada CMDF sebagai MSWG boleh menjana pendapatan sendiri sepanjang tahun 2015.

### HASIL

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, MSWG menjana pendapatan sebanyak RM1.15 juta berbanding RM1.32 juta yang dicapai pada 2014. Perbezaan RM0.17 juta berikutan forum yang terhad diadakan sepanjang tahun 2015. Walau bagaimanapun, ia telah diimbangi oleh penjanaan fi pelanggan yang lebih tinggi dengan perkhidmatan nilai tambah termasuk forum khusus tentang tadbir urus korporat untuk Pengarah Syarikat dan pengurusan kanan yang disesuaikan dengan keperluan syarikat. Melangkah ke hadapan, MSWG akan berusaha untuk meningkatkan asas pelanggan.

Pecahan pendapatan yang dijana oleh MSWG bagi 2015 dan angka perbandingan pada 2014 dan 2013 digambarkan dalam carta yang berikut.



# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF




**Sumber Hasil**

## PERBELANJAAN

Bagi 2015, jumlah perbelanjaan adalah RM5.82 juta berbanding RM5.01 juta pada 2014, iaitu peningkatan sebanyak 16 peratus. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan yang dilakukan bagi fi profesional untuk pelaksanaan GST, kos penubuhan Majlis Pelabur Institusi dan projek Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN yang mempunyai lebih syarikat yang telah dikaji semula. Projek penyelidikan tambahan juga telah dijalankan sepanjang tahun 2015. Butiran terperinci disediakan di dalam Penyata Kewangan.

# PEMANTAUAN KORPORAT

## SYARIKAT YANG DIPANTAU

Pada 2016, MSWG mempunyai 262 syarikat di bawah portfolio pemantauannya yang terdiri daripada kira-kira 25 peratus daripada jumlah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, termasuk syarikat bermodal besar dan sederhana serta syarikat kecil yang mewakili kira-kira 90 peratus daripada jumlah permodalan pasaran Bursa. Pemilihan syarikat yang akan dipantau adalah berdasarkan kriteria yang berikut:

- Syarikat FBM KLCI
- 100 syarikat terbaik Indeks MCG
- Syarikat yang dipantau atas kemahuan pelanggan di bawah Senarai Pelanggan
- Syarikat yang perlu dipantau berdasarkan aduan yang diterima daripada pemegang saham, dan juga syarikat yang … kesan kepada kepentingan pemegang saham minoriti.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sepanjang 2014, penganalisis MSWG menghadiri 344 mesyuarat agung, merangkumi 82 mesyuarat agung luar biasa. Banyak isu penting dibangkitkan berhubung dengan strategi, kewangan dan tadbir urus untuk manfaat pemegang saham, khususnya pemegang saham minoriti. Soalan yang dibangkitkan oleh MSWG dan jawapan daripada syarikat telah dibentangkan oleh Lembaga Pengarah masing-masing semasa mesyuarat dan dimuat naik di laman web MSWG dan juga laman web syarikat.

MSWG terus melibatkan pemegang saham dengan mengadakan forum pemegang saham untuk menangani isu-isu korporat utama, penerbitan surat berita biasa dan Lajur CEO dalam akhbar arus perdana untuk meluaskan jangkauan. Isu-isu utama dibincangkan dan diketengahkan untuk memberi kesedaran supaya pemegang saham boleh membangkitkan kebimbangan tersebut semasa mesyuarat agung.

Secara keseluruhan, hampir semua syarikat yang dipantau telah membentangkan dan memberi maklum balas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh MSWG dalam mesyuarat masing-masing. Hal ini menimbulkan kesedaran dalam kalangan pemegang saham untuk membantu mereka membuat keputusan mengundi. Hampir semua syarikat ini menyediakan jawapan kepada soalan yang dikemukakan, menunjukkan kesediaan mereka untuk mematuhi prinsip amalan terbaik secara sukarela. Sebanyak 47 syarikat berbanding 30 tahun lepas menerbitkan minit AGM mereka sejajar dengan amalan terbaik yang disyorkan di bawah Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN.

## SOROTAN ISU 2015

Pada tahun ini, MSWG menerima sebanyak 44 aduan daripada pelabur minoriti, iaitu pelabur korporat dan runcit yang meminta MSWG untuk mengetengahkan isu-isu mereka secara kolektif. Aduan ini tertumpu kepada isu-isu yang berikut:

- Tawaran yang tidak adil apabila syarikat diswastakan
- Kebimbangan terhadap penyahsenaraian syarikat
- Situasi konflik kepentingan
- Ganjaran pengarah yang berlebihan tanpa justifikasi yang jelas
- Kebimbangan berhubung dengan tawaran persendirian saham yang besar kepada pihak ketiga yang tidak didedahkan
- Penyingkiran pengarah bebas oleh pemegang saham utama tanpa penjelasan yang sewajarnya
- Kebimbangan terhadap komitmen masa Pengarah Bebas

## LAPORAN SEBELUM DAN SELEPAS AGM/EGM

Laporan Sebelum Mesyuarat Agung Tahunan atau Laporan Selepas Mesyuarat Agung Tahunan menyediakan analisis Laporan Tahunan Syarikat untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Laporan ini juga menyedia analisis dan pertanyaan yang akan dikemukakan dalam AGM.

Bagi tahun 2015, 258 laporan sebelum AGM disediakan dengan memberikan pemilihan penyelesaian MSWG dalam mesyuarat agung. Maklumat utama yang diketengahkan dalam laporan membolehkan pelanggan, sama ada pelanggan institusi dan runcit mendapatkan maklumat seperti penyelesaian yang disyorkan yang akan dibentangkan, butiran ringkas tentang pengarah dan keahlian mereka dalam pelbagai jawatankuasa, analisis amalan tadbir urus korporat syarikat serta sorotan prestasi kewangan syarikat. Laporan ini juga digunakan sebagai dokumen rujukan kepada penganalisis semasa menghadiri mesyuarat agung.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 367 surat telah dihantar kepada syarikat untuk mendapatkan penjelasan tentang isu-isu dalam AGM. Isu-isu ini berkaitan dengan hal kewangan dan tadbir urus. Semua syarikat telah memberi maklum balas kepada persoalan dan dikongsi dengan pemegang saham lain sama ada melalui pembentangan rasmi atau memuat naik jawapan di laman web atau mengedarkannya kepada para pemegang saham yang hadir semasa mesyuarat.

Laporan selepas AGM/EGM pula menjurus kepada tinjauan keseluruhan tentang prosiding mesyuarat agung termasuk persoalan yang dikemukakan, respons oleh Lembaga Pengarah dan keputusan pengundian. Laporan ini juga disediakan kepada pelanggan korporat dan institusi MSWG. Sepanjang tahun 2015, 258 laporan telah dihasilkan.

## RINGKASAN MINGGUAN AGM/EGM

MSWG terus menerbitkan Ringkasan Mingguan mesyuarat agungnya atau Ringkasan Mingguan AGM/EGM dalam akhbar The New Straits Times dan Nanyang Siang Pau (versi Mandarin). Sepanjang tahun 2015, kami telah memperluas Ringkasan Mingguan kami dalam Fokus Malaysia setiap hari Rabu. Secara keseluruhan, MSWG telah diberikan 110 ruangan untuk diterbitkan dalam akhbar ini. Ruangan ini menyenaraikan masa dan tempat mesyuarat yang akan datang, memberikan senarai persoalan berkaitan dengan prestasi kewangan atau amalan tadbir urus korporat sebelum berlangsungnya AGM/EGM syarikat. Pemegang saham dimaklumkan tentang AGM dan menggalakkan mereka mempersiapkan diri bagi mesyuarat yang akan datang. Soalan ini juga dimuat naik di laman web MSWG supaya pelabur boleh membuat rujukan dan bertanya soalan susulan.

## SURAT BERITA ELEKTRONIK

MSWG terus menerbitkan surat berita elektronik, iaitu ‘The Observer’, pada setiap minggu. Sejak tahun 2011, surat berita telah melaporkan kepada pembaca dengan peristiwa korporat yang berlaku setiap mingguan di arena tempatan dan global. Ia juga menyediakan pandangan MSWG terhadap amalan korporat semasa, artikel dan komentar tentang maklumat terkini pasaran, ekonomi, kawal selia dan tadbir urus.

Kini The Observer telah diiktiraf secara meluas sebagai sumber penting maklumat dan penyelidikan tentang isu-isu CG, dengan itu, menjadi alat yang berkesan untuk meningkatkan profil MSWG, terutamanya dalam menyampaikan pendirian berhubung dengan korporat dan tadbir urus. Surat berita elektronik dan perutusan ketua pegawai eksekutif telah diedarkan secara meluas kepada lebih 2,000 penerima dengan lebih daripada 200,000 pembaca termasuk pelanggan, pengurus dana, pelabur institusi, firma broker, universiti, Lembaga Pengarah PLC dan media. Perutusan ketua pegawai eksekutif telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu dalam Berita Harian dua kali seminggu untuk menyampaikan petikan tentang perkara utama kepada pembaca akhbar bahasa Melayu sebagai tambahan kepada ruangan mingguan dalam Nanyang Siang Pau dalam bahasa Mandarin.

Sepanjang tahun 2015, MSWG telah menerbitkan 25 artikel dalam Berita Harian dan 50 artikel dalam Nanyang Pau, serta 32 komentar dalam akhbar harian utama lain.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## PROGRAM & FORUM PENDIDIKAN PELABUR

Sebagai sebahagian daripada proses penyebaran pendidikan untuk menghasilkan pelabur yang lebih bijak, MSWG terus melaksanakan program melalui pelbagai saluran.

### FORUM

Pada tahun 2015, MSWG mengadakan 6 forum runcit secara percuma kepada pelabur tentang material aktiviti korporat syarikat. Syarikat akan terus menyediakan platform tersebut kepada pemegang saham runcit. Di samping itu, MSWG telah mengadakan pelbagai forum dan dialog dengan lembaga korporat dan pelabur institusi tentang isu-isu korporat dan tadbir urus sepanjang tahun 2015.

### PENGLIBATAN SYARIKAT

Lawatan syarikat telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada proses penglibatan tahunan MSWG untuk lebih memahami perkara berkaitan syarikat serta perbincangan aktif dengan lembaga pengarah.

Pada tahun ini, MSWG melakukan 19 lawatan syarikat di Lembah Klang, Sarawak dan Johor. Penglibatan syarikat adalah berguna dan relevan kerana menyediakan platform yang baik untuk lebih memahami perkara berkaitan perniagaan syarikat, isu-isu industri serta tadbir urus korporat yang meningkatkan kebimbangan pemegang saham minoriti. Semasa lawatan itu, MSWG juga mengambil peluang untuk menjelaskan tentang penandaarasan melalui Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN.

### JEMPUTAN CERAMAH

Pada tahun 2015, wakil MSWG terlibat dan memenuhi 18 jemputan ceramah di samping terus mengekalkan hubungan erat dan hubungan kerja dengan pelbagai rakan kongsi antarabangsa seperti International Corporate Governance Network (ICGN), Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), Asian Development Bank (ADB), Asian Corporate Governance Association (ACGA) dan Securities Investors Association Singapore (SIAS). MSWG juga telah mengambil bahagian dalam dialog dan seminar dengan institusi tempatan seperti Institut Akauntan Malaysia dan Majlis Pembangunan Industri Sekuriti.

## PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pada tahun ini, saranan nilai untuk Institusi dan Pelanggan Korporat telah dipertingkatkan lagi dan lebih banyak perkhidmatan nilai tambah dimasukkan. Fi langganan dinaikkan selaras dengan saranan nilai dipertingkatkan. Pada akhir Disember 2015, Syarikat mempunyai lima Institusi dan 60 Pelanggan Korporat. Bilangan Institusi dan Pelanggan Korporat telah menurun berikutan masa yang diperlukan untuk perubahan tersebut dilaksanakan berdasarkan fi langganan yang lebih tinggi dan saranan nilai dipertingkatkan.

Bilangan pelanggan runcit dan pelajar terus meningkat kerana pelanggan menyedari manfaat yang diperoleh melalui program dan forum pendidikan runcit serta surat berita elektronik mingguan, yang membantu mereka memahami dengan lebih mendalam tentang cadangan korporat dan isu-isu syarikat. Bagi tahun ini, langganan runcit telah diberikan secara percuma. Asas untuk pelanggan runcit telah meningkat kepada 656 pelanggan pada 2015.

# PERBINCANGAN DAN ANALISIS OLEH PIHAK PENGURUSAN SERTA PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## KATEGORI PERKHIDMATAN PELANGGAN

- Pelanggan Institusi (organisasi dan institusi)
- Pelanggan Korporat (syarikat tersenarai awam)
- Pelanggan Runcit (individu)
- Pelanggan Pelajar

### Pelanggan Institusi

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
Lembaga Tabung Haji
  Pindaan pada MFRS 138 juga menjelaskan bahawa hasil secara umumnya dianggap sebagai asas yang tidak sesuai untuk mengukur penggunaan manfaat ekonomi yang terkandung dalam aset tak ketara. Anggapan ini hanya dapat diubah dalam keadaan tertentu apabila aset tak ketara dinyatakan sebagai ukuran hasil atau jika ia dapat ditunjukkan bahawa hasil dan penggunaan manfaat ekonomi yang terkandung dalam aset tak ketara sangat berhubung kait.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)



# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

### A ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(b) Piawaian, pindaan pada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran pada piawaian sedia ada yang terpakai kepada Syarikat, tetapi belum lagi berkuat kuasa (sambungan)

- MFRS 9 'Instrumen Kewangan' (berkuat kuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'.

  MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran bercampur dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori utama bagi aset kewangan: kos terlunas, nilai saksama melalui untung atau rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas pengelasan bergantung pada model perniagaan entiti dan ciri aliran tunai aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan opsyen tak boleh batal pada permulaan untuk menunjukkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen itu tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos terlunas hanya jika entiti itu memegangnya untuk mengumpulkan aliran tunai kontraktual, dan aliran tunai tersebut mewakili pokok dan faedah.

  Bagi liabiliti, piawaian ini mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Ini termasuk pengiraan kos terlunas bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan derivatif terbenam dwicabang. Perubahan utama ialah, dalam kes yang opsyen nilai saksama diambil untuk liabiliti kewangan, bahagian perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti itu sendiri direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya dalam penyata pendapatan, melainkan jika ini mewujudkan ketakpadanan perakaunan.

  MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit dijangka ke atas rosotnilai yang menggantikan model rosotnilai kerugian tertanggung yang digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit dijangka ini memandang ke hadapan dan menghapuskan perlunya peristiwa pencetus berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

- MFRS 15 ‘Hasil daripada kontrak dengan pelanggan’ (berkuat kuasa pada 1 Januari 2018) menggantikan MFRS 118 ‘Hasil’ dan MFRS 111 ‘Kontrak pembinaan’ serta tafsiran yang berkaitan. Piawaian tersebut membincangkan pengiktirafan hasil serta menetapkan prinsip bagi melaporkan maklumat yang berguna kepada pengguna penyata kewangan tentang jenis, jumlah, pemasaan dan ketidakpastian hasil dan aliran tunai yang timbul daripada kontrak entiti dengan pelanggan.

  Hasil diiktiraf apabila pelanggan memperoleh kawalan terhadap barang atau perkhidmatan, dan dengan itu berupaya menetapkan penggunaannya dan memperoleh manfaat daripada barang atau perkhidmatan tersebut. Prinsip teras dalam MFRS 15 ialah entiti mengiktiraf hasil bagi menunjukkan pemindahan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam jumlah yang mencerminkan pertimbangan yang dijangka oleh entiti sebagai layak untuk tukaran barang atau perkhidmatan tersebut.

  Syarikat akan mengguna pakai piawaian ini apabila ia berkuat kuasa. Penerimagunaan piawaian dan pindaan ini tidak akan memberikan impak yang ketara terhadap hasil Syarikat.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### B HARTANAH DAN PERALATAN

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Kos sesuatu item hartanah dan peralatan yang diiktiraf pada mulanya termasuk harga beliannya serta apa-apa kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset itu ke lokasi dan keadaan yang diperlukan bagi membolehkannya beroperasi dengan cara yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutan dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Jumlah dibawa bagi bahagian yang digantikan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi semasa tempoh kewangan ia ditanggung.

Untung dan rugi daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan penerimaan dengan jumlah dibawa, dan dimasukkan dalam untung atau rugi daripada pelupusan hartanah dan peralatan dalam untung atau rugi.

Semua hartanah dan peralatan disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat bergunanya, seperti yang berikut:

| | |
|---|---|
| Komputer dan peralatan elektronik | 20% |
| Perabot dan pemasangan | 20% |
| Kelengkapan pejabat | 20% |
| Kenderaan bermotor | 20% |
| Pengubahsuaian | 20% |

Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji semula, dan diselaraskan jika wajar, pada akhir tempoh pelaporan.

Pada akhir tempoh pelaporan, Syarikat menilai jika terdapat apa-apa tanda rosotnilai. Jika terdapat tanda-tanda tersebut, analisis dilakukan untuk menilai sama ada jumlah dibawa bagi aset itu boleh pulih sepenuhnya atau tidak. Turun nilai dibuat jika jumlah dibawa melebihi jumlah boleh pulih. Lihat dasar perakaunan Nota L tentang rosotnilai aset bukan kewangan.

### C CUKAI PENDAPATAN

Belanja cukai bagi tempoh tersebut merangkumi cukai pendapatan semasa dan cukai pendapatan tertunda. Belanja atau kredit cukai pendapatan bagi tempoh tersebut ialah cukai yang perlu dibayar atas pendapatan boleh cukai bagi tempoh semasa berdasarkan kadar cukai pendapatan yang terpakai bagi setiap bidang kuasa yang diselaraskan mengikut perubahan dalam aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda yang berkaitan dengan perbezaan sementara dan kerugian cukai belum guna. Cukai diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali setakat ia berkaitan dengan item yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini, cukai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti, masing-masing.

Bayaran cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh pelaporan di negara di mana Syarikat beroperasi dan menjana pendapatan boleh cukai.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### C CUKAI PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

Pihak pengurusan menilai secara berkala kedudukan yang diambil dalam pulangan cukai berhubung dengan situasi yang peraturan cukai yang terpakai tertakluk kepada tafsiran. Ia menetapkan peruntukan, jika sesuai, berdasarkan jumlah yang dijangka akan dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Liabiliti ini diukur dengan menggunakan anggaran terbaik tunggal terhadap keputusan yang paling mungkin diperoleh.

Cukai tertunda diberikan sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang wujud antara jumlah yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dengan jumlah dibawanya dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, liabiliti cukai tertunda tidak diiktiraf jika ia timbul daripada pengiktirafan awal muhibah. Cukai tertunda juga tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain kombinasi perniagaan yang, pada masa urus niaga dibuat, tidak menjejaskan perakaunan mahupun untung atau rugi boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan terpakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda dilangsaikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai akan diperoleh yang terhadapnya perbezaan sementara boleh kurang, kerugian cukai belum guna atau kredit cukai belum guna boleh digunakan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali jika masa penarikbalikan perbezaan sementara tersebut dikawal oleh Syarikat dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan berbalik pada masa hadapan yang dapat dijangka.

Aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda diofset apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengofset aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa, dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda dikaitkan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh cukai daripada entiti boleh cukai yang berbeza dengan niat untuk menyelesaikan baki tersebut pada asas bersih.

### D TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesamaan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk tujuan pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan deposit yang dipegang dengan institusi kewangan berlesen yang boleh ditukar dengan mudah kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak signifikan.

### E PENGIKTIRAFAN HASIL

Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau belum diterima untuk penjualan barang dan perkhidmatan dalam perjalanan biasa aktiviti Syarikat. Hasil ditunjukkan bersih daripada cukai barang dan perkhidmatan, pulangan, rebat dan diskaun, serta jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga dan selepas mengetepikan jualan dalam Syarikat.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### E PENGIKTIRAFAN HASIL (SAMBUNGAN)

Syarikat mengiktiraf hasil apabila jumlah hasil boleh diukur dengan tepat, dengan kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan akan mengalir kepada entiti tersebut dan kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Syarikat seperti yang diterangkan di bawah. Syarikat membuat anggaran berdasarkan keputusan sejarah, dengan mengambil kira jenis pelanggan, jenis urus niaga dan perkara khusus dalam setiap pengaturan.

Hasil diiktiraf berdasarkan yang berikut:

(i) Pendapatan daripada perkhidmatan proksi diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan.
(ii) Sumbangan bagi terbitan dan laporan diiktiraf setelah terbitan dan laporan diserahkan.
(iii) Pendapatan daripada forum dan acara diiktiraf atas asas akruan.
(iv) Pendapatan daripada perkhidmatan pelanggan diiktiraf atas asas akruan.
(v) Pendapatan faedah diiktiraf atas asas akruan.
(vi) Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam saham sebut harga diiktiraf pada tarikh tanpa dividen.

### F GERAN

Geran berkaitan dengan kos ditunda dan diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh yang diperlukan untuk memadankannya dengan kos yang sepatutnya dibayar.

### G MANFAAT PEKERJA

Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh kewangan yang dalam tempoh itu perkhidmatan berkaitan yang diberikan oleh pekerja diiktiraf berhubung dengan perkhidmatan pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dikemukakan sebagai belum bayar lain dan akruan dalam penyata kedudukan kewangan.

Manfaat pasca pekerjaan

Syarikat mencarum dalam pelan caruman yang ditentukan oleh negara bagi pekerja Syarikat. Caruman bagi pelan ini dicaj ke dalam untung atau rugi pada tahun kewangan yang berkaitan. Sebaik sahaja caruman telah dibayar, Syarikat tidak mempunyai obligasi untuk membuat pembayaran selanjutnya.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### H ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

Aset kewangan sedia dijual merupakan bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan atau pelaburan dipegang hingga matang. Ia dimasukkan dalam aset bukan semasa, kecuali apabila pelaburan menjadi matang atau pihak pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Semua pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai aset kewangan sedia dijual.

Aset kewangan sedia dijual pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama tambah kos urus niaga dan kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama bagi aset kewangan sedia dijual diiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian rosotnilai serta laba dan rugi pertukaran asing atas aset monetari. Perbezaan pertukaran atas aset monetari diiktiraf dalam untung atau rugi, manakala perbezaan pertukaran atas aset bukan kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Pendapatan faedah dan pendapatan dividen atas aset kewangan sedia dijual diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi. Pendapatan dividen atas instrumen ekuiti sedia dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Syarikat untuk menerima bayaran ditentukan.

Pada akhir tempoh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa suatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas.

Dalam kes sekuriti ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia dijual, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai petunjuk bahawa aset itu telah terjejas. Jika terdapat apa-apa bukti bagi aset kewangan sedia dijual, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Jumlah kerugian terkumpul yang dikelaskan semula kepada untung atau rugi ialah perbezaan antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasa, tolak apa-apa kerugian rosotnilai atas aset kewangan itu yang sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam untung atau rugi atas instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai sedia dijual tidak dibalikkan melalui untung atau rugi.

Apabila aset kewangan sedia dijual telah dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada untung atau rugi.

### I PAJAKAN OPERASI

Pajakan aset yang sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak telah dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (bersih daripada apa-apa insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicaj kepada untung atau rugi atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### J PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa di sisi undang-undang atau obligasi konstruktif semasa disebabkan oleh peristiwa lampau. Terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan anggaran yang tepat dapat dibuat bagi jumlah itu.

### E LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan dengan berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang di luar kawalan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku, iaitu liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan tepat. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak termasuk kontrak jaminan kewangan. Aset luar jangka ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan dengan berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang berada i luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya jika aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku tetapi tidak benar-benar dapat dipastikan.

### F ROSOTNILAI ASET BUKAN KEWANGAN

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tidak pasti, contohnya, muhibah atau aset tak ketara yang belum sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk rosotnilai. Aset yang tertakluk kepada pelunasan disemak untuk rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa jumlah dibawa mungkin tidak boleh pulih. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi jumlah yang jumlah dibawa bagi aset melebihi jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih ialah jumlah yang tertinggi daripada nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan menaksir rosotnilai, aset dikelompokkan pada tahap terendah yang terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai). Aset bukan kewangan selain muhibah yang mengalami rosotnilai disemak semula untuk pembalikan rosotnilai yang mungkin berlaku pada akhir tempoh pelaporan.

Kerugian rosotnilai dicaj kepada untung atau rugi, melainkan ia membalikkan penilaian semula terdahulu, yang dalam kes ini, ia dicaj kepada lebihan penilaian semula. Kerugian rosotnilai atas muhibah adalah tidak berbalik. Berhubung dengan aset lain, apa-apa peningkatan berikutnya dalam jumlah boleh pulih diiktiraf dalam untung atau rugi, melainkan ia membalikkan kerugian rosotnilai atas aset yang dinilai semula, yang dalam kes ini, ia dibawa ke rizab lebihan penilaian semula.

### G ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Syarikat membuat anggaran dan andaian berkenaan dengan masa hadapan. Mengikut takrif, anggaran perakaunan yang terhasil jarang menyamai hasil sebenar yang berkaitan. Anggaran dan andaian berisiko besar yang menyebabkan pelarasan material terhadap jumlah dibawa aset dan liabiliti pada tahun kewangan seterusnya dibincangkan di bawah.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### M ANGGARAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

Cukai pendapatan

Pertimbangan yang penting diperlukan untuk menentukan jumlah cukai tertunda dari segi pemasaan pembalikan perbezaan sementara. Syarikat membuat anggaran terbaik berdasarkan maklumat yang ada setakat tarikh kunci kira-kira. Jika hasil cukai akhir perkara ini berbeza daripada jumlah yang direkodkan pada awalnya, perbezaan tersebut akan memberikan kesan terhadap aset dan liabiliti cukai pendapatan semasa dan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh penentuan tersebut dibuat. Cukai tertunda dianggarkan berdasarkan kadar cukai yang ditetapkan pada tarikh kunci kira-kira.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

### 1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dalam syarikat menerusi aktivisme pemegang saham yang bertindak demi kepentingan pemegang saham minoriti sebagai bahagian penting dalam pembangunan pasaran modal.

Syarikat merupakan syarikat berhad menurut jaminan, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia.

Bilangan pekerja setakat akhir tahun kewangan ialah 21 (2014: 22).

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat ialah:

Tingkat 11, Bangunan KWSP,
No. 3, Changkat Raja Chulan,
Off Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

### 2 HASIL

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Sumbangan yang diterima daripada terbitan/laporan yang diterbitkan | 283 | 40,259 |
| Forum dan acara | 558,905 | 914,328 |
| Fi perkhidmatan pelanggan | 464,756 | 232,864 |
| | 1,023,944 | 1,187,451 |

### 3 GERAN

Geran yang diterima diiktiraf sebagai pembayaran balik daripada Dana Pembangunan Pasaran Modal (“CMDF”) untuk membiayai perbelanjaan operasi dan modal Syarikat.

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Baki setakat 1 Januari | 2,146,252 | 2,659,815 |
| Geran yang diterima pada tahun kewangan | 3,600,000 | 4,500,000 |
| Geran yang digunakan pada tahun kewangan | (5,746,252) | (5,013,563) |
| **Baki setakat 31 Disember** | - | 2,146,252 |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### 4 PENDAPATAN KENDALIAN LAIN

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Pendapatan dividen | 5,323 | 5,496 |
| Pendapatan faedah | 116,845 | 125,576 |
| Laba atas pelupusan aset kewangan sedia dijual | 132 | 376 |
| Pendapatan lain | 4,005 | 3,750 |
| | 126,305 | 135,198 |

### 5 KOS KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan bonus | 2,521,131 | 2,518,294 |
| Pelan caruman yang ditentukan ('KWSP') | 377,816 | 376,911 |
| Ganjaran kakitangan | 206,558 | 77,755 |
| Manfaat pekerja yang lain | 187,014 | 194,452 |
| | 3,292,519 | 3,167,412 |

Jumlah gaji, bonus dan caruman KWSP yang diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Syarikat pada tahun kewangan ialah RM689,575 (2014: RM663,150) dan RM141,237 (2014: RM134,477), masing-masing.

### 6 BELANJA OPERASI LAIN

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Fi Pengarah | 70,000 | 97,500 |
| Belanja penyumberluaran | 314,788 | 209,406 |
| Belanja pembiayaan projek | | |
| - Penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat Asean | 387,000 | 294,475 |
| - Majlis Pelabur Institusi | 74,450 | - |
| - Projek dan kertas penyelidikan | 137,321 | 24,500 |
| Belanja sewa | 280,596 | 267,806 |
| Belanja perjalanan, penginapan dan keraian | 168,287 | 141,131 |
| Belanja forum dan acara | 308,591 | 292,072 |
| Belanja telekomunikasi | 142,310 | 119,947 |
| Insurans | 131,933 | 130,739 |
| Fi profesional | 227,191 | 41,643 |
| Belanja Senggaraan Pejabat | 158,309 | 127,067 |
| Lain-lain | 32,803 | 3,793 |
| | 2,433,579 | 1,750,079 |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### 7 LEBIHAN SEBELUM CUKAI

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Lebihan sebelum cukai diperoleh selepas (mengecaj)/mengkreditkan: | | |
| Saraan juruaudit | | |
| - Audit Berkanun | (15,000) | (15,000) |
| - Perkhidmatan bukan audit | (169,770) | - |
| Elaun kehadiran mesyuarat Pengarah | (34,000) | (23,500) |
| Pendapatan faedah | 116,845 | 125,576 |
| Pendapatan dividen | 5,323 | 5,496 |
| Laba atas pelupusan aset kewangan sedia dijual | 132 | 376 |

### 8 CUKAI

| | 2015 | 2014 |
|---|---|---|
| Cukai tahun semasa | - | 246,182 |
| Lebihan peruntukan cukai tahun sebelumnya | (4,276) | (21,413) |
| Cukai tertunda (Nota 11) | 331,851 | 28,085 |
| | 327,575 | 252,854 |

Penyesuaian berangka antara lebihan sebelum cukai yang didarabkan dengan kadar cukai berkanun di Malaysia dengan belanja cukai Syarikat adalah seperti yang berikut:

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| **Lebihan sebelum cukai** | 1,074,471 | 1,322,649 |
| Cukai yang dikira pada kadar cukai di Malaysia, iaitu 23% (2014: 25%) | 252,071 | 330,662 |
| Kesan cukai terhadap: | | |
| - belanja yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai | 69,953 | 38,855 |
| - pendapatan yang tidak dikenakan cukai | (1,273) | (27,287) |
| - penggunaan kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelum ini | - | 12,795 |
| - pengiktirafan aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf sebelum ini | - | (123,168) |
| - lebihan peruntukan cukai tahun sebelumnya | (4,276) | (21,413) |
| - perubahan kadar cukai yang berbeza | 11,100 | 32,356 |
| - kesan kadar cukai yang berbeza | - | 10,054 |
| **Cukai** | 327,575 | 252,854 |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

## 9 HARTANAH DAN PERALATAN

| | Komputer dan peralatan elektronik RM | Perabot dan pemasangan RM | Kelengkapan pejabat RM | Pengubahsuaian RM | Pengubahsuaian WIP RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2015 | | | | | | |
| **Kos** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | 212,125 | 74,210 | 130,868 | 174,291 | - | 591,494 |
| Tambahan | 70,640 | 32,894 | 52,977 | - | 75,316 | 231,827 |
| Hapus kira | (1,360) | - | - | - | - | (1,360) |
| **Pada 31 Disember 2015** | 281,405 | 107,104 | 183,845 | 174,291 | 75,316 | 821,961 |
| **Susut nilai terkumpul** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 | 159,356 | 62,044 | 74,970 | 68,617 | - | 364,987 |
| Caj bagi tahun kewangan | 27,196 | 9,784 | 24,161 | 34,858 | - | 95,999 |
| Hapus kira | (67) | - | - | - | - | (67) |
| **Pada 31 Disember 2015** | 186,485 | 71,828 | 99,131 | 103,475 | - | 460,919 |
| **Nilai buku bersih** | | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2015** | 94,920 | 35,276 | 84,714 | 83,816 | 62,316 | 361,042 |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### 9 HARTANAH DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| | Komputer dan peralatan elektronik | Perabot dan pemasangan | Kelengkapan pejabat | Pengubahsuaian | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **2014** | | | | | |
| **Kos** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2014 | 200,935 | 74,210 | 117,737 | 174,291 | 567,173 |
| Tambahan | 11,190 | - | 13,131 | - | 24,321 |
| Hapus kira | - | - | - | - | - |
| **Pada 31 Disember 2014** | 212,125 | 74,210 | 130,868 | 174,291 | 591,494 |
| **Susut nilai terkumpul** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2014 | 130,682 | 51,087 | 53,387 | 33,759 | 268,915 |
| Caj bagi tahun kewangan | 28,674 | 10,957 | 21,583 | 34,858 | 96,072 |
| Hapus kira | - | - | - | - | - |
| **Pada 31 Disember 2014** | 159,356 | 62,044 | 74,970 | 68,617 | 364,987 |
| **Nilai buku bersih** | | | | | |
| **Pada 31 Disember 2014** | 52,769 | 12,166 | 55,898 | 105,674 | 226,507 |

### 10 ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL

| | 2015 | 2014 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pada nilai saksama: | | |
| Saham sebut harga di Malaysia | 155,924 | 147,057 |
| Elaun untuk rosotnilai | (8,113) | (8,262) |
| | 147,811 | 138,795 |
| Pada nilai saksama: | | |
| Saham sebut harga di Malaysia | 147,811 | 138,795 |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### 10 ASET KEWANGAN SEDIA DIJUAL (SAMBUNGAN)

Saham ini dipegang bagi jangka masa panjang dengan tujuan memberikan lokus standi untuk mengambil bahagian dalam hal ehwal syarikat penerima pelaburan.

Saham ini diukur pada nilai saksama berdasarkan harga sebutan dalam pasaran aktif dan dikelaskan sebagai hierarki pengukuran nilai saksama Peringkat 1 menurut MFRS 7 “Instrumen Kewangan – Pendedahan”.

### 11 ASET CUKAI TERTUNDA / LIABILITI CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk menolak selesai aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda dikaitkan dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, yang ditentukan selepas diofset sewajarnya, ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Tertakluk pada cukai pendapatan: | | |
| **Aset cukai tertunda (selepas diofset)** | 261,806 | 592,769 |

Pergerakan aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda semasa tahun kewangan adalah seperti yang berikut:

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari | 592,769 | 618,331 |
| (Dicaj)/dikreditkan kepada untung atau rugi (Nota 8) | (331,851) | (28,085) |
| - Kerugian cukai belum guna | 203,126 | - |
| - Hartanah dan peralatan | (10,368) | 10,190 |
| - Fi pelanggan | (15,192) | - |
| - Geran tertunda | (503,511) | (161,443) |
| - Peruntukan | (5,906) | 123,168 |
| Dicaj kepada pendapatan komprehensif | 888 | 2,523 |
| **Pada 31 Disember** | 261,806 | 592,769 |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### 11 ASET CUKAI TERTUNDA / LIABILITI CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Komponen aset/(liabiliti) cukai tertunda sebelum/selepas diofset sewajarnya adalah seperti yang berikut:

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Aset cukai tertunda (sebelum diofset) | | |
| - Kerugian cukai belum guna | 203,126 | - |
| - Geran tertunda | - | 503,511 |
| - Peruntukan | 117,262 | 123,168 |
| | 320,388 | 626,679 |
| Ofset | (58,582) | (33,910) |
| **Aset cukai tertunda (selepas diofset)** | 261,806 | 592,769 |

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| Liabiliti cukai tertunda (sebelum diofset) | | |
| - Hartanah dan peralatan | (31,165) | (20,797) |
| - Rizab sedia dijual | (12,225) | (13,113) |
| - Fi pelanggan | (15,192) | - |
| | (58,582) | (33,910) |
| Ofset | 58,582 | 33,910 |
| **Liabiliti cukai tertunda (selepas diofset)** | - | - |

### 12 BELUM TERIMA LAIN, DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Belum terima lain | 74,900 | 99,653 |
| Deposit dan bayaran terdahulu | 302,214 | 145,771 |
| | 377,114 | 245,424 |

Termasuk dalam deposit dan bayaran terdahulu ialah sejumlah RM159,865 (2014: TIADA) berkaitan dengan pembangunan laman web.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

## 13 TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI

| | | |
|---|---|---|
| Tunai dan baki di bank | 2,413,524 | 2,681,011 |
| Deposit dengan institusi kewangan | 2,145,120 | 3,298,603 |
| | 4,558,644 | 5,979,614 |

Kadar faedah purata berwajaran yang berkuat kuasa setakat akhir tahun kewangan adalah seperti yang berikut:

| | 2015 | 2014 |
|---|---|---|
| | % | % |
| **Deposit dengan institusi kewangan** | 3.4 | 3.5 |

Deposit dengan institusi kewangan mempunyai tempoh matang purata 17 hari (2014: 134 hari).

## 14 KOMITMEN PAJAKAN OPERASI

Setakat tarikh penyata kedudukan kewangan, komitmen berhubung dengan pajakan operasi yang berkaitan dengan sewa yang perlu dibayar bagi pejabat yang diduduki oleh Syarikat di bawah perjanjian pajak yang tamat tempoh pada 31 Mei 2018 (2014: 31 Mei 2015) perlu dibayar seperti yang berikut:

| | 2015 | 2014 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Dalam tempoh satu tahun | 255,322 | 99,735 |
| Dalam tempoh dua hingga lima tahun | 361,706 | - |
| | 617,028 | 99,735 |

## 15 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Risiko pasaran

Risiko pasaran ialah risiko apabila nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan mengalami turun naik disebabkan perubahan harga pasaran. Risiko pasaran Syarikat timbul terutamanya daripada kedudukan terbuka dalam aset berfaedah, setakat ia terdedah kepada pergerakan pasaran umum dan khusus.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

### 15 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Memandangkan aset berfaedah Syarikat tidak menjana faedah dalam jumlah yang besar, perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak memberikan apa-apa kesan langsung yang ketara terhadap pendapatan Syarikat.

(b) Risiko kredit

Risiko kredit ialah risiko apabila satu pihak dalam instrumen kewangan menyebabkan kerugian kewangan bagi pihak yang satu lagi kerana gagal melaksanakan obligasi. Syarikat tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Risiko kredit timbul daripada geran belum terima; belum terima lain, deposit dan bayaran terdahulu; serta tunai dan baki di bank. Syarikat menstrukturkan tahap risiko kredit yang diterimanya dengan mengehadkan pendedahannya kepada satu pihak yang satu lagi atau mana-mana institusi kewangan.

Pendedahan maksimum Syarikat kepada risiko kredit mengikut kelas aset kewangan adalah seperti yang berikut:

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| **Belum terima lain, deposit dan bayaran terdahulu** | 74,900 | 99,653 |
| **Tunai dan kesamaan tunai** | 4,558,644 | 5,979,614 |

Tumpuan risiko kredit Syarikat mengikut industri setakat tarikh penyata kedudukan kewangan dinyatakan di bawah:

| 2015 | Institusi kewangan<br>RM | Lain-lain<br>RM |
|---|---|---|
| Belum terima lain, deposit dan bayaran terdahulu | - | 74,900 |
| Tunai dan kesamaan tunai | 4,558,644 | - |

| 2014 | | |
|---|---|---|
| Belum terima lain, deposit dan bayaran terdahulu | - | 99,653 |
| Tunai dan kesamaan tunai | 5,979,614 | - |

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)



### 15 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko kecairan

Risiko kecairan ditakrifkan sebagai risiko semasa dan prospektif terhadap perolehan, dana terkumpul atau reputasi yang timbul daripada ketidakmampuan Syarikat untuk memenuhi dengan cekap keperluan pendanaan atau obligasi kawal selianya pada masa kini dan masa hadapan (yang dijangka dan tidak dijangka) apabila ia menjadi perlu dibayar, yang boleh mengakibatkan operasi hariannya terjejas teruk dan menanggung kerugian yang tidak boleh diterima. Risiko kecairan timbul daripada ketakpadanan dalam pemasaan aliran tunai.

Liabiliti kewangan Syarikat tidak mempunyai kematangan tertentu.

(d) Nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan terdiri daripada aset kewangan, liabiliti kewangan dan instrumen kewangan luar kunci kira-kira. Nilai saksama ialah jumlah yang padanya aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan diselesaikan antara pihak yang berpengetahuan dengan pihak yang berkesanggupan dalam suatu urus niaga tulus.

Maklumat nilai saksama tidak diberikan bagi instrumen bukan kewangan dan instrumen kewangan yang tidak termasuk dalam skop MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan”. Ini termasuk hartanah dan peralatan, cukai boleh pulih dan cukai tertunda.

Jumlah dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2014 hampir menyamai nilai saksamanya disebabkan oleh tempoh terhad kematangan instrumen ini atau kepekaan yang terhad terhadap kadar faedah.

Objektif Syarikat semasa menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Syarikat sebagai usaha berterusannya bagi memberikan manfaat kepada pihak berkepentingan dan untuk mengekalkan struktur modal optimum bagi mengurangkan kos modal.

Syarikat tidak tertakluk kepada apa-apa keperluan modal yang dikenakan dari luar.

### 16 KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan menurut resolusi Lembaga Pengarah pada 29 Februari 2016.

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)

## PERNYATAAN PENGARAH
### MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, **Tan Sri Datuk Dr Sulaiman bin Mahbob** dan **Rita Benoy Bushon**, dua daripada Pengarah Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 5 hingga 25 disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2015 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka.

TAN SRI DATO' SERI DR SULAIMAN BIN MAHBOB
PENGARAH

RITA BENOY BUSHON
PENGARAH

Kuala Lumpur
16 Februari 2015

## AKUAN BERKANUN
### MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Yap Sook Yeen, Pegawai yang bertanggungjawab terutamanya terhadap pengurusan kewangan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 5 hingga 25 adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

YAP SOOK YEEN

Sesungguhnya dan sebenarnya diakui oleh penama di atas, Yap Sook Yeen, di Kuala Lumpur pada 29 Februari 2016.

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
No: W465
Nama: KAPT.(B) JASNI BIN YUSOFF
MALAYSIA

Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 019-6680745

PESURUHJAYA SUMPAH
COMMISSIONER FOR OATH

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

## KEPADA ANGGOTA BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)
(No. Syarikat 524989 M)

### LAPORAN PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad pada halaman 5 hingga 25 yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2015; penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana am dan rizab serta penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut; serta ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan yang lain, seperti yang dinyatakan dalam Nota 1 hingga 16.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 1965, serta kawalan dalaman seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Pengarah sebagai perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi keperluan etika serta merancang dan menjalankan audit bagi mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata material.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur bagi mendapatkan bukti audit tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata material dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Semasa membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan oleh entiti, yang memberikan gambaran yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman entiti. Audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengarah, serta menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan wajar bagi menyediakan asas untuk pendapat audit kami.

*PricewaterhouseCoopers (AF 1146), Akauntan Berkanun,*
*Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral, Peti Surat 10192, 50706 Kuala Lumpur, Malaysia.*
*T: +60 (3) 2173 1188, F: +60 (3) 2173 1288, www.pwc.com/my*

pwc

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)

KEPADA ANGGOTA BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat berhad menurut jaminan)
(No. Syarikat 524989 M)

## LAPORAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan betul menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat 1965 supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2015 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

## LAPORAN KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan baik menurut peruntukan Akta.

## PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk anggota Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana orang lain berkaitan dengan kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Berkanun

SOO HOO KHOON YEAN
(No. 2682/10/17 (J))
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur
29 Februari 2016



20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 80 3/17/16 11:40 PM

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP
Shareholder Activism and Protection of Minority Interest
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia . Company No : 524989-M)

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**NOTIS DENGAN INI DIBERIKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan ke-15 Syarikat akan diadakan di Tingkat 11, Bangunan KWSP, No. 3, Changkat Raja Chulan, Off Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur pada **hari Isnin, 28 Mac 2016, pukul 11:00 pagi.**

## AGENDA

1. Menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan Teraudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit padanya.

2. Meluluskan pembayaran Fi Pengarah sebanyak RM36,000.00, Fi Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran sebanyak RM6,000.00 dan Elaun Mesyuarat Pengarah sebanyak RM28,000.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

3. Melantik semula Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob, yang bersara menurut Perkara 61 Tataurusan Persatuan Syarikat, sebagai Pengarah Syarikat.

4. Melantik semula Encik Nor Hizam Hashim, yang bersara menurut Perkara 61 Tataurusan Persatuan Syarikat, sebagai Pengarah Syarikat.

5. Melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberikan kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.

**Menurut Arahan Lembaga**

**Chew Phye Keat**

**Setiausaha**

**Bertarikh: 7 Mac 2016**

**NOTA: Anggota Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat ini boleh melantik proksi untuk mengundi bagi pihaknya. Proksi tidak semestinya anggota Syarikat. Instrumen yang melantik proksi mesti disimpan di Pejabat Berdaftar tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat.**

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP
Shareholder Activism and Protection of Minority Interest
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia • Company No : 524989-M)

# BORANG PROKSI

Kami, ……………………………………………………………………………………………… daripada …………………
…………………………………………………………………, sebagai anggota Syarikat yang dinyatakan di atas, dengan ini melantik ……………………………… daripada …………………………………………………………… ………… atau, jika beliau tidak dapat berbuat demikian, …………………………………………………… ……………. daripada ………………………………………………………………………………………………………

sebagai proksi kami untuk menghadiri dan mengundi untuk dan bagi pihak kami di Mesyuarat Agung Tahunan ke-15 Syarikat tersebut yang akan diadakan pada **hari Isnin, 28 Mac 2016, pukul 11:00 pagi** dan apa-apa penangguhannya.

Bertarikh:

_____________________

**Pengarah**

_____________________________

**Pengarah/Setiausaha**

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

# AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007
**(Seksyen 58)**

## LESEN PERKHIDMATAN PASARAN MODAL

| | |
|---|---|
| **No Lesen:** | **CMSL/A0112/2007** |
| **Nama** | **Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad** |
| **Alamat Berdaftar:** | **Tingkat 11, Bangunan KWSP<br>No. 3, Changkat Raja Chulan<br>Off Jalan Raja Chulan<br>50200 Kuala Lumpur** |

Penama yang disebut di atas adalah berlesen di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti terkawal berikut:

- Nasihat pelaburan

Lesen ini diberi tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang terkandung di dalam Bab 7 Buku Panduan Pelesenan ("Licensing Handbook") dan yang berikut:

TIADA

Melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, lesen ini hendaklah berkuatkuasa sehingga 3 Mac 2009 dan tertakluk kepada Suruhanjaya Sekuriti memperbaharui lesen ini, akan terus berkuatkuasa sehingga tarikh yang sama pada tahun-tahun berikutnya. Untuk tujuan ini, semua pemberitahuan oleh Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan pembaharuan lesen ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada lesen ini.

Diberi di bawah tandatangan dan meterai Suruhanjaya Sekuriti di Kuala Lumpur pada 25 Februari 2008

b.p. Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti

20160317 LAPORAN TAHUNAN MSWG MUKTAMAD UNTUK DICETAK A.indd 84 3/17/16 11:40 PM